

BI: Gabungan Persatuan Cina sokong

UM 10 OCT 2002

KUALA LUMPUR 9 Okt. — Gabungan Ikatan Persatuan Cina Malaysia yang dianggotai lebih 500 persatuan menyokong rancangan kerajaan untuk melaksanakan pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris di semua sekolah.

Presidennya, Liew Poon Siak berkata, pihaknya bersyukur mempunyai Perdana Menteri yang berdedikasi untuk membawa kemajuan dan percaya rancangan terbaru ini juga bermatlamat yang sama.

Justeru, beliau merayu kepada semua pihak supaya tidak lagi mempolitikkan isu tersebut.

“Ini kerana ia adalah isu pendidikan dan penting untuk masa depan negara. Jangan jadikan ia isu politik,” katanya ketika berucap pada majlis Terima Kasih Perdana Menteri Ku di Stadium Putra Bukit Jalil di sini malam ini.

Perhimpunan raksaksa yang dihadiri lebih 10,000 orang belia dan beliawanis daripada pelbagai kaum itu diadakan sebagai tanda menyokong wawasan Perdana Men-

teri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mewujudkan masyarakat Malaysia yang berpengetahuan.

Selepas ucapan Poon Siak, dua wakil belia dan beliawanis iaitu Yeo Hock Lim dan Raihani Mohd. Saaid turut diberi peluang berucap bagi menyampaikan pandangan generasi muda terhadap rancangan kerajaan itu.

Hock Lim dalam ucapannya menegaskan perhimpunan itu bukan dibuat atas desakan sesiapa malah didorong oleh kesedaran untuk memastikan masa depan anak bangsa terus terjamin.

“Setelah mengecap kemerdekaan lebih dua dekad, kita masih tidak bebas daripada rasa sangsi antara satu sama lain,” katanya.

Bagi beliau, penentangan terhadap rancangan baik kerajaan untuk meningkatkan penguasaan ilmu di kalangan rakyat khususnya generasi muda adalah satu bentuk penganiayaan kepada negara dan bangsa.

Raihani pula mengingatkan golongan ekstremis dan chauvinis yang menentang rancangan kerajaan agar memberhentikan perbuatan tidak bertanggungjawab mempolitikkan isu itu.

“Jika anda betul-betul mengambil berat, dengarlah pandangan kami,” katanya.

Beliau merayu Perdana Menteri supaya jangan melayan golongan terbabit sebaliknya meneruskan rancangan yang diatur demi menyelamatkan generasi muda daripada ketinggalan dalam arus persaingan masa depan.